

BULETIN

JEJAK HEP

MENYANTUNI • MEMBINA • MELANGKAH BERSAMA

EDISI PROGRAM

ZIARAH KASIH 2.0

Menyantuni Bakal Pelajar UiTM
yang akan memulakan pengajian
Sesi **SEPTEMBER 2026**



Prihatin

Mendekati dengan hati,
menyantuni dengan kasih.



Peduli

Memahami keperluan,
memberi sokongan.



Membina Masa Depan

Bersama memastikan setiap
impian melangkah ke UiTM
menjadi kenyataan.

USAHA * TAKWA * MULIA



SESI AKADEMIK

SEPTEMBER 2026



BULETIN

JEJAK HEP

KOMUNITAS ALUMNI DAN BAKTI KEPADA NEGARA

SEKUTUPAN

ZIARAH KASIH 20

KEKANTONAN MUHARJUN, KE-
KANTONAN BUKIT MELAK, NEGERI
SEBANG DAN MELAKA



KEKANTONAN MUHARJUN, KE-
KANTONAN BUKIT MELAK, NEGERI
SEBANG DAN MELAKA



KEKANTONAN MUHARJUN, KE-
KANTONAN BUKIT MELAK, NEGERI
SEBANG DAN MELAKA


CSAUKA TAUHID NILIA



MAKAMAH
KADIAINI



MAKAMAH
KADIAINI



ISI KANDUNGAN

Prakata	i
Pengenalan	ii
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Perlis	1
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Kedah	2
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Pulau Pinang	3
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Perak	4
Ziarah Kasih UiTM Shah Alam	5
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Negeri Sembilan	6
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Melaka	7
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Johor	8-9
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Pahang	10-11
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Kelantan	12
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Terengganu	13
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Sarawak	14
Ziarah Kasih UiTM Cawangan Sabah	15
Ringkasan	16
Keratan Akhbar	17
Coretan Program	18
Sidang Buletin	20
Penghargaan	21

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Program Ziarah Kasih 2.0 telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya di seluruh negara. Lebih membanggakan, segala usaha, komitmen dan pengorbanan yang dicurahkan sepanjang pelaksanaan program ini dapat dihimpunkan menerusi penerbitan **Buletin JEJAK HEP - Edisi Program Ziarah Kasih 2.0**, sebagai sebuah dokumentasi yang merakamkan perjalanan, pencapaian dan impak program kepada warga UiTM serta masyarakat.

Program Ziarah Kasih 2.0 merupakan inisiatif yang dicetuskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Yayasan Perkasa Siswa (YPS), dan telah digerakkan secara menyeluruh oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) di kampus induk serta semua kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pelaksanaannya mencerminkan komitmen berterusan universiti dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa sentiasa menjadi keutamaan.

Program ini dilaksanakan dengan tujuan menyantuni bakal mahasiswa UiTM yang bakal memulakan pengajian bagi Sesi September 2026, khususnya mereka yang berhadapan dengan cabaran sosioekonomi. Melalui kunjungan terus ke kediaman penerima, pihak universiti bukan sahaja menyampaikan bantuan kewangan dan barangan keperluan, malah turut menyampaikan sokongan moral, motivasi dan keyakinan kepada pelajar serta keluarga agar mereka terus bersemangat untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Kejayaan Program Ziarah Kasih 2.0 merupakan hasil sinergi pelbagai pihak melalui dana dalaman universiti seperti ZAWAF, Tabung Sedekah dan Tabung Kebajikan, serta sumbangan daripada individu, alumni, syarikat korporat, NGO dan rakan strategik. Semangat kebersamaan ini membuktikan bahawa keprihatinan masyarakat mampu membuka ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk meneruskan pendidikan tinggi, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menjunjung nilai ihsan, kesejahteraan dan tanggungjawab bersama.

Penerbitan Buletin JEJAK HEP - Edisi Program Ziarah Kasih 2.0 ini bertujuan mendokumentasikan pelaksanaan program, merakamkan kisah-kisah inspirasi penerima, menghimpunkan pencapaian serta menjadi tanda penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dan menjayakan inisiatif ini. Diharapkan buletin ini menjadi rujukan serta inspirasi dalam memperkukuhkan agenda kebajikan mahasiswa UiTM pada masa hadapan.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada KPT, YPS dan seluruh warga Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM, para penyumbang, rakan strategik dan semua pihak yang telah berganding bahu menjayakan Program Ziarah Kasih 2.0. Semoga segala usaha dan sumbangan ini diberkati Allah SWT serta terus memberi manfaat kepada mahasiswa dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DR. HAJI MOHD SAZILI SHAHIBI, J.M.N
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHVAL PELAJAR)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENGENALAN

Program Ziarah Kasih 2.0 merupakan inisiatif Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) hasil cetusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Yayasan Perkasa Siswa (YPS). Program ini dilaksanakan sekitar bulan Jun 2026 bagi menyantuni bakal pelajar UiTM yang akan memulakan pengajian pada Sesi Akademik September 2026, khususnya mereka yang berhadapan dengan cabaran kewangan, sosial dan kekeluargaan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen UiTM dalam memastikan setiap bakal mahasiswa mendapat sokongan awal sebelum melangkah ke alam pengajian tinggi.

Menerusi pendekatan ziarah dari rumah ke rumah, pihak universiti berpeluang memahami latar belakang dan keperluan sebenar bakal pelajar serta keluarga mereka. Pendekatan ini membolehkan bantuan dan intervensi yang bersesuaian disalurkan dengan lebih berkesan melalui kerjasama pelbagai pihak, sekali gus meringankan beban yang dihadapi serta meningkatkan keyakinan pelajar untuk memulakan pengajian.

Pelaksanaan Program Ziarah Kasih 2.0 melibatkan seluruh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) di kampus induk dan kampus cawangan UiTM di seluruh negara. Program ini disokong melalui pelbagai sumber dana dalaman universiti seperti Zakat, Wakaf dan Sedekah (ZAWAF), Tabung Sedekah dan tabung kebajikan, selain sumbangan daripada individu, alumni, syarikat korporat, badan bukan kerajaan (NGO) serta rakan strategik yang bersama-sama menjayakan agenda kebajikan mahasiswa.

Secara keseluruhannya, Program Ziarah Kasih 2.0 bukan sekadar menyampaikan bantuan, malah memperkukuhkan hubungan antara universiti, keluarga, komuniti dan rakan strategik dalam membina ekosistem sokongan kepada mahasiswa. Program ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada usaha berterusan UiTM untuk memastikan tiada bakal pelajar tercicir daripada peluang melanjutkan pengajian akibat kekangan yang boleh dibantu melalui intervensi awal universiti.

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN PERLIS

MENYANTUNI MAHASISWA, MENYUBUR IMPIAN

ARAU, 26 Jun 2026 – Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UiTM Cawangan Perlis telah melaksanakan Program Ziarah Kasih 2.0 bagi menyantuni bakal mahasiswa baharu yang akan memulakan pengajian pada Sesi September 2026. Program ini diketuai oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Encik Wan Mohd Yaseer Mohd Abdoh, bersama Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar, Puan Dewi Anis Othman, para pegawai BHEP serta wakil Unit Zakat dan Sedekah UiTM Cawangan Perlis. Menerusi kunjungan ke kediaman bakal mahasiswa, rombongan telah menyampaikan sumbangan kewangan dan barangan keperluan, di samping meninjau sendiri cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan keluarga mereka sebelum memulakan pengajian. Program ini mencerminkan komitmen berterusan UiTM Cawangan Perlis dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa sentiasa menjadi keutamaan. Selaras dengan aspirasi "Menyantuni Mahasiswa, Menyubur Impian", inisiatif ini bukan sahaja meringankan beban keluarga, malah memberikan sokongan moral dan keyakinan kepada bakal mahasiswa untuk melangkah ke alam pengajian tinggi dengan lebih bersedia.



Lawatan Ziarah Kasih ke kediaman adik Nur Safiyah Binti Camhuri



Lawatan Ziarah Kasih ke kediaman adik Nurul Anisya Sofea



Lawatan Ziarah Kasih adik Nur Ain Amalin binti A'alami



Penyerahan bakul makanan kepada adik Nur Alya Safirah Binti Norizi



Sesi ramah mesra pihak pengurusan bersama pihak keluarga



Penyerahan sumbangan kepada adik Nurul Anisya Sofea



Penyerahan sumbangan kepada adik Nur Safiyah Binti Camhuri

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN KEDAH

“ZIARAH MEMBAWA KASIH, UKHWAH MENGUAT DIRI”

ALOR SETAR, 23 Jun 2026 – Seramai tiga bakal mahasiswa Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah menerima kunjungan menerusi Program Ziarah Kasih 2.0 sebagai usaha menyantuni pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan yang bakal memulakan pengajian pada Sesi Akademik September 2026. Program tersebut diketuai oleh Rektor UiTM Cawangan Kedah, Profesor Madya Dr. Mahazir Ismail, Dr. Tunku Nashril Tunku Abaidah, Timbalan Rektor HEP bersama barisan pengurusan universiti dan pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Menurut Dr. Mahazir, Program Ziarah Kasih 2.0 membuktikan komitmen UiTM dalam memastikan tiada bakal mahasiswa tercicir daripada peluang melanjutkan pengajian hanya disebabkan kekangan kewangan atau cabaran kehidupan.

Beliau berkata, pendekatan turun padang membolehkan universiti memahami keperluan sebenar pelajar dan keluarga, sekali gus menyalurkan bantuan serta sokongan yang bersesuaian. Program Ziarah Kasih 2.0 mencerminkan keprihatinan dan komitmen berterusan UiTM Cawangan Kedah dalam memperkasa agenda kebajikan mahasiswa, di samping mengeratkan hubungan antara universiti, pelajar dan keluarga selaras dengan aspirasi melahirkan graduan yang seimbang, berdaya saing dan berjiwa masyarakat.



Sesi ramah mesra pihak pengurusan bersama adik Ainun Marlia binti Rosni



Lawatan Ziarah Kasih adik Alya Maisarah binti Mahathir pelajar berkeperluan khas (Mild Autism)



Sesi ramah mesra pihak pengurusan bersama Nur Hawa Liyana binti Mohd Shahibullah



Lawatan Ziarah Kasih adik Nur Hawa Liyana binti Mohd Shahibullah



Sesi temu ramah pihak media RTM bersama pihak pengurusan



Sesi ramah mesra pihak pengurusan bersama Nur Hawa Liyana binti Mohd Shahibullah



Lawatan Ziarah Kasih ke kediaman adik Ainun Marlia binti Rosni

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN P. PINANG

PRIHATIN KEBAJIKAN MENGGAPAI IMPIAN



Lawatan Ziarah Kasih UiTM CPP
Saudara Mohammad Irfan Haziq bin Mohd Zailani
Diploma Kejuruteraan Elektrik
UiTM Cawangan Pulau Pinang

PERMATANG PAUH, 3 Julai 2026 – Sebagai tanda keprihatinan terhadap bakal mahasiswa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah menyantuni beberapa pelajar dan keluarga dalam misi program jelajah Ziarah Kasih UiTM. Kehadiran YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy bin Razali, Rektor UiTM CPP membuktikan komitmen tinggi universiti dalam memastikan setiap pelajar berpeluang menikmati akses pendidikan tinggi tanpa mengira latar belakang ekonomi. Delegasi dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang diketuai oleh Dr. Ahmad Asri bin Abd. Samat, Timbalan Rektor HEP, Puan Norlida binti Che Rose, Timbalan Pendaftar, para pegawai HEP dan staf di Unit Hal Ehwal Islam serta Encik Ahmad Hidayat bin Ahmad Ridzuan, Koordinator Korporat.



Sepanjang sesi lawatan YBhg. Dato' Rektor sempat memberi kata-kata perangsang, semangat dan nasihat serta ucapan tahniah kepada pelajar dan keluarga. Sumbangan wang tunai dan barang keperluan turut disampaikan. Platform ini juga digunakan untuk menyampaikan maklumat berkaitan keprihatinan UiTM terhadap mahasiswanya melalui khidmat yang disediakan seperti bantuan kewangan pelajar dan kemudahan Dapur Siswa Madani. Program Ziarah Kasih UiTM diharap dapat menyuntik semangat kepada bakal mahasiswa UiTM untuk melangkah ke alam universiti dengan penuh keyakinan, sekali gus menjadi inspirasi kepada lebih ramai anak muda untuk mengejar kecemerlangan demi masa depan diri, keluarga dan negara. Setiap impian mampu direalisasikan.



Lawatan Ziarah Kasih UiTM CPP
Saudari Nur Afifah Farwizah binti Anuar
Diploma Statistik
UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah



Lawatan Ziarah Kasih UiTM CPP
Saudari Aimi Hazwani binti Azhari
Diploma Teknologi Makanan
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN PERAK

MENYANTUNI IMPIAN, MENYEMARAKKAN HARAPAN

Seri Iskandar, 19 Jun 2026 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak menerima kunjungan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abd Kadir, bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM, Profesor Dr. Hj. Mohd. Sazili Shahibi dan Rektor UiTM Cawangan Perak, Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim serta barisan pengurusan UiTM Cawangan Perak menerusi Program Ziarah Kasih UiTM bagi menyantuni bakal mahasiswa yang akan memulakan pengajian pada sesi September 2026.

Program tersebut telah menelusuri kehidupan pelajar di Pulau Pangkor, Tangkak, Seri Iskandar dan Tapah bertujuan mendekati keluarga bakal mahasiswa serta memahami latar belakang dan cabaran yang dihadapi sebelum melangkah ke alam pendidikan tinggi.

Menurut Dr Zambry, pendidikan tinggi perlu menjadi jambatan harapan yang membuka peluang kepada setiap anak Malaysia tanpa mengira latar belakang sosioekonomi. Beliau berkata, kehadiran delegasi UiTM bukan sekadar lawatan rasmi, sebaliknya bagi memberikan sokongan moral dan keyakinan kepada bakal mahasiswa untuk meneruskan pengajian.

Sementara itu, TNCHP menegaskan UiTM komited memastikan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa sentiasa menjadi keutamaan sepanjang tempoh pengajian. Manakala Rektor pula menyifatkan program berkenaan sebagai manifestasi budaya UiTM yang sentiasa dekat dengan masyarakat.

Berteraskan semangat 'UiTM DiHatiku', universiti ini akan terus memperkukuh usaha melahirkan graduan berilmu, berdaya saing dan berintegriti, sekali gus menyumbang kepada pembangunan keluarga, masyarakat serta kemajuan negara.

*Burung merpati hinggap di dahan,
Ziarah Kasih UiTM menyulam harapan.*



Lawatan Ziarah Kasih anak jati Pulau Pangkor oleh YBM Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, bersama TNCHP UiTM, Rektor serta pengurusan UiTM Cawangan Perak.



Lawatan Ziarah Kasih bakal mahasiswa UiTM Siti Nur Zulaikha Binti Azril Fauzi di Tangkak, Johor.



Lawatan Ziarah Kasih bakal mahasiswa UiTM Siti Nabilah Binti Nor Zaini di Tangkak, Johor



Lawatan Ziarah Kasih bakal mahasiswa UiTM Alisya Khadijah binti Jamil



Lawatan Ziarah Kasih KUKP bersama wakil Majlis Perwakilan Pelajar UiTM ke rumah bakal mahasiswa di Tapah

ZIARAH KASIH UiTM SHAH ALAM

AIR MATA IBU IRINGI ZIARAH KASIH UiTM

SUBANG JAYA, 15 Jun 2026 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dengan kerjasama Yayasan Perkasa Siswa telah melaksanakan Program Ziarah Kasih bagi menyantuni bakal mahasiswa UiTM di sekitar Lembah Klang. Program ini diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM, Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi, bersama Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Perkasa Siswa (YPS), En. Hirman Awang. Lawatan tersebut bertujuan menyampaikan bantuan kewangan dan sokongan moral kepada bakal pelajar yang akan mendaftar.

Melalui program ini, pihak UiTM berpeluang melihat sendiri keadaan keluarga pelajar serta memahami cabaran yang dihadapi dalam membuat persediaan awal ke universiti. Inisiatif ini mencerminkan komitmen UiTM dalam memastikan tiada pelajar tercicir daripada melanjutkan pengajian akibat kekangan kewangan, di samping memperkukuh hubungan antara universiti, pelajar dan komuniti.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan bersama pihak YPS ke rumah bakal mahasiswa.



Lawatan Ziarah Kasih ke kediaman adik Rabiah Al-Adawiyah Hamdan



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan bersama pihak YPS ke rumah bakal mahasiswa di Sungai Buloh.



Sesi Ramah Masra pihak pengurusan dan Yayasan Perkasa bersama pihak keluarga di Puncak Alam



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan bersama pihak Yayasan Perkasa ke rumah bakal mahasiswa di Subang Jaya.

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

ZIARAH KASIH PERKUKUH KEBAJIKAN PELAJAR BAHARU

KUALA PILAH, 19 Jun 2026 – Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah melaksanakan Program Ziarah Kasih di sekitar Kuala Pilah, Seremban dan Rembau bagi menyantuni bakal mahasiswa baharu yang akan mendaftar ke UiTM.

Program ini diketuai oleh Timbalan Rektor (HEP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan serta para pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar dari tiga kampus. Seramai tiga bakal pelajar telah diziarahi di Batu Kikir, Tampin dan Mambau. Mereka menerima sumbangan barangan dan wang tunai bagi meringankan beban bakal mahasiswa dan keluarga. Program ini bertujuan memberi sokongan moral, memastikan kebajikan pelajar terjaga serta membantu persediaan mereka sebelum memulakan pengajian di UiTM Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau.



Lawatan Ziarah Kasih ke rumah bakal mahasiswa saudari Tuan Nurul Ain Izzati bersama dengan pihak pengurusan.



Lawatan Ziarah Kasih ke rumah bakal mahasiswa saudari Rabiah Al-Adawiyah Hamdan bersama dengan pihak pengurusan.



Lawatan Ziarah Kasih ke rumah saudari Izziefazura bakal mahasiswa bersama dengan pihak pengurusan.



Sesi ramah masra pihak pengurusan bersama pihak keluarga

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN MELAKA

ZIARAH KASIH UiTM PENYUNTUK SEMANGAT

ALOR GAJAH, 02 Julai 2026 – Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Melaka telah melaksanakan Program Ziarah Kasih 2.0 bagi menyantuni pelajar baharu sesi September 2026 yang kurang berkemampuan. Program yang telah diadakan pada 25 Jun dan 01 Julai ini melibatkan lawatan ke kediaman pelajar baharu yang akan mendaftar di Kampus Alor Gajah dan Kampus Jasin Melaka. Lawatan ke rumah para pelajar baharu ini telah disertai oleh Prof. Datuk Ts. Dr. Hj. Mohd Rasdi bin Hj. Zaini, Rektor UiTM Cawangan Melaka, bersama Prof. Madya Ts. Dr. Nadzri bin Hj. Mohd Sharif, Timbalan Rektor (HEP), Penolong Rektor Kampus Jasin dan turut bersama Ketua Pusat Pengajian FSKM, pegawai HEP dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Selain menyampaikan sumbangan keperluan asas, program ini menjadi platform untuk berkongsi maklumat mengenai bantuan kebajikan dan kehidupan di kampus serta mengeratkan hubungan antara UiTM dengan pelajar dan keluarga. Inisiatif ini diharap dapat meringankan beban keluarga serta memberi suntikan semangat kepada para pelajar untuk memulakan pengajian dengan lebih yakin dan bersemangat.



Ziarah Kasih di rumah pelajar baharu di Kuala Sungai Baru, Melaka



Ziarah Kasih di rumah pelajar baharu di Lubok China, Melaka



Ziarah Kasih di rumah pelajar baharu di Jasin, Melaka



Ziarah Kasih di rumah pelajar baharu di Merlimau, Melaka



Ziarah Kasih di rumah pelajar baharu di Merlimau Pantai, Melaka



Ziarah Kasih di rumah pelajar baharu di Kg. Sg. Petai Alor Gajah, Melaka



Ramah mesra dan perkongsian maklumat bersama pelajar dan keluarga

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN JOHOR (SEGAMAT)

SENTUH HATI, ZIARAH KASIH UiTM

SIMPANG RENGAM, 26 Jun 2026 - Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Johor telah melaksanakan Program Ziarah Kasih 2.0 yang digerakkan serentak dengan Program Prihatin KPT@Johor Darul Takzim. Program ini merupakan inisiatif Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), UiTM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi menyantuni bakal pelajar yang akan memulakan pengajian pada Sesi September 2026.

Program ini turut disertai oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perak, Pahang dan Negeri Sembilan yang bersama-sama menziarahi bakal pelajar kelahiran Johor. Siri lawatan berlangsung dari 24 hingga 26 Jun 2026 di beberapa lokasi sekitar negeri Johor.

Pada hari ini, rombongan telah mengunjungi lima buah kediaman bakal pelajar. Lawatan diketuai oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, dan turut disertai oleh YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd. Nor Hajar Hasrol Jono, Pengarah Pusat Kesatria dan Kokurikulum UiTM serta wakil Yayasan Perkasa Siswa dan Pusat Khidmat Machap.

Lawatan ini bertujuan menyampaikan bantuan kewangan dan sokongan moral, di samping mendengar sendiri keperluan serta cabaran yang dihadapi oleh bakal pelajar bersama keluarga sebelum melangkah ke alam universiti. Program ini membuktikan komitmen Kementerian Pendidikan Tinggi dan UiTM dalam memastikan setiap bakal mahasiswa mendapat peluang melanjutkan pengajian tanpa dibatasi kekangan kewangan. Pendidikan diyakini sebagai pemangkin mobiliti sosial ke arah masa depan yang lebih cemerlang.



Lawatan Ziarah Kasih ke kediaman bakal mahasiswa di Penggaram, Johor.



Lawatan Ziarah Kasih ke kediaman bakal mahasiswa di Senggarang, Johor



Lawatan Ziarah Kasih ke kediaman bakal mahasiswa di Simpang Renggam, Johor



Lawatan Ziarah Kasih ke kediaman bakal mahasiswa di Simpang Renggam, Johor

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN JOHOR (PASIR GUDANG)

SENTUH HATI, ZIARAH KASIH UiTM

PASIR GUDANG, 27 Jun 2026 – Program Ziarah Kasih 2.0 anjuran Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang terus menjadi platform keprihatinan universiti dalam menyantuni bakal mahasiswa yang memerlukan sokongan sebelum memulakan pengajian.

Menerusi program ini, rombongan UiTM telah menziarahi dua bakal mahasiswa, iaitu Mohamad Afham Wajdi bin Mohd Zawawi serta Nazar Imran bin Nizam. Beliau berasal daripada keluarga berpendapatan sederhana dan berazam untuk belajar bersungguh-sungguh demi mengubah nasib keluarga.

Sempena lawatan tersebut, pihak UiTM turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan barangan keperluan asas kepada pelajar terlibat. Program ini mencerminkan komitmen UiTM dalam memastikan kebajikan bakal mahasiswa sentiasa diberi perhatian.



Lawatan Ziarah Kasih
adik Nazar Imran Bin Nizam



Sesi ramah mesra bersama
keluarga dan bakal mahasiswa



Lawatan Ziarah Kasih
adik Mohamad Afham Wajdi bin Mohd Zawawi



Sesi ramah mesra bersama
keluarga dan bakal mahasiswa



Sesi ramah mesra bersama
keluarga dan bakal mahasiswa

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN PAHANG (JENGKA)

MENYANTUNI PERJUANGAN MENYALAKAN HARAPAN

JENGKA, 23 Jun 2026 – Di sebalik senyuman seorang anak yang berjaya melangkah ke universiti, tersimpan pengorbanan ibu bapa yang tidak pernah diceritakan. Ada yang berjuang dalam kesempitan hidup, menahan kesakitan dan mengorbankan segala yang ada demi memastikan impian anak mereka tidak terkubur. Atas rasa prihatin, UiTM Cawangan Pahang menerusi Program Ziarah Kasih telah menziarahi Ainin Sofiya binti Mohd Shukri (AS120) pada 18 Jun 2026, Nur Farah Wahida binti Mohd Rasli (BA132) pada 22 Jun 2026, Nur Aqeela Qhaira (AS120) dan Siti Hajar binti Jamal (AS120) pada 23 Jun 2026, serta Nur Qistina Syahzanani binti Syali (EC110) pada 25 Jun 2026.

Setiap kunjungan membuka mata bahawa di sebalik sebuah kejayaan, tersimpan kisah air mata, pengorbanan dan harapan. Semoga sedikit sumbangan yang disampaikan menjadi tanda bahawa UiTM sentiasa bersama mahasiswa, bukan sahaja ketika mereka berjaya, tetapi juga ketika mereka sedang berjuang mengubah kehidupan keluarga mereka. Turut hadir adalah Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Pahang.



Ziarah Kasih bersama Nur Farah Wahida Mohd Rasli di Felda Jengka 8



Sesi ramah mesra dan ziarah bersama Pegawai dari Hal Ehwal Pelajar



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan bersama Nur Qistina Syazani di Taman Jengka Impian



Lawatan Ziarah Kasih bersama pihak pengurusan HEP dan Timbalan Rektor HEP



Lawatan Ziarah Kasih bersama Ainin Sofiya binti Mohd Shukri di Felda Jengka 3

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN PAHANG (RAUB)

DARI RUMAH KE KAMPUS, BERSAMA MEMBINA MASA DEPAN

RAUB, 23 Jun 2026 – Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub telah melaksanakan Program Ziarah Kasih HEP 2026 bagi menyantuni bakal mahasiswa yang akan mendaftar ke UiTM Kampus Raub. Sebanyak 10 buah rumah pelajar diziarahi bermula 19 Jun 2026 sehingga 23 Jun 2026 diketuai oleh Penolong Rektor UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub, Ketua Pusat Pengajian, pegawai Unit Komunikasi Korporat serta pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar.

Lawatan ini bertujuan menyampaikan bantuan kewangan serta memberikan sokongan moral kepada bakal pelajar, di samping mendengar sendiri keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh mereka bersama keluarga sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam universiti. Pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen UiTM dalam memperkukuh kebajikan mahasiswa serta memastikan bakal pelajar mendapat sokongan sewajarnya untuk memulakan pengajian dengan lebih yakin.



Sesi ramah mesra bersama pelajar yang bakal mendaftar di UiTM Raub.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah adik Nor Nazrizal Naimi di Batu Malim, Raub.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah bakal mahasiswa Nurul Ain Abdullah di Kuala Lipis.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah adik Mohamad Danish Daim di Jerantut.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah adik Fatin Nur Najwa di Bentong.

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN KELANTAN

MENJUNJUNG KASIH, MENYANTUNI HATI, MENYEMAI BAHAGIA

JELI, 24 Jun 2026 – Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Kelantan telah menganjurkan Program Ziarah Kasih 2.0 di Kampung Pasir Dusun, Jeli, Kampung Padang Lati, Bachok & Kampung Kolam Teratai, Palekbang, Tumpat sebagai salah satu inisiatif kebajikan dan keprihatinan universiti terhadap bakal mahasiswa baharu.

Program ini dilaksanakan bagi menyantuni bakal pelajar yang akan melanjutkan pengajian di UiTM Cawangan Kelantan. Inisiatif ini bertujuan memberi sokongan moral serta membantu persediaan awal pelajar dan keluarga sebelum memasuki institusi pengajian tinggi.

Dalam sesi ziarah tersebut, pihak UiTM telah menyampaikan sumbangan bagi meringankan beban kewangan keluarga. Delegasi program diketuai oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar bersama Penolong Pendaftar Kanan dan beberapa staf BHEP yang turut berkunjung ke rumah keluarga pelajar. Lawatan tersebut memberi ruang untuk beramah mesra, memahami latar belakang keluarga serta memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada bakal pelajar.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah bakal mahasiswa.



Sesi ramah mesra bersama keluarga dan bakal mahasiswa



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah bakal mahasiswa.



Sesi ramah mesra bersama keluarga dan bakal mahasiswa

HEP
UiTM Cawangan
KELANTAN

7
JULAI 2026

Ziarah Kasih

HEP UiTM CAWANGAN KELANTAN

“Menjunjung Kasih, Menyantuni Hati, Menyemai Bahagia”

TARIKH
24 JUN 2026
(RABU)

LOKASI
KG PASIR DUSUN,
JELI, KELANTAN

ANJURAN
HAL EHWAL PELAJAR
UiTM CAWANGAN KELANTAN

Objektif Program

- Menyantuni komuniti setempat dengan penuh kasih sayang
- Memberi sumbangan dan bantuan kepada keluarga yang memerlukan
- Mengukuhkan hubungan UiTM bersama masyarakat
- Menyemai nilai prihatin dan tanggungjawab sosial

Prihatin • Peduli
Bersama Komuniti

Bersama Kita Berkongsi,
Bersama Kita Bahagia

HEP UiTM Kelantan

heputimkelantan

HEP UiTM Kelantan

#HEPprihatin #HEPpeduli #HEPUTIM

12

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN TERENGGANU

SECARIK SENYUM, SEGUNUNG HARAPAN

DUNGUN, 22 Jun 2026 - UiTM Cawangan Terengganu melalui HEP telah melaksanakan Program Ziarah Kasih bagi membantu tiga keluarga bakal mahasiswa B40 yang akan melanjutkan pengajian pada sesi September 2026. Program ini bertujuan meringankan beban kewangan serta memberi sokongan moral kepada pelajar dalam persediaan ke universiti, termasuk kos pendaftaran dan keperluan asas.

Inisiatif ini juga bagi memastikan tiada pelajar tercicir akibat kekangan kewangan di samping memberi maklumat berkaitan bantuan dan biasiswa. Program ini turut melibatkan lawatan ke beberapa rumah keluarga bagi memahami keadaan sebenar mereka.

Secara keseluruhan, program ini mencerminkan keprihatinan UiTM dalam menyokong pelajar B40 untuk melanjutkan pengajian dan membina masa depan yang lebih baik.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah adik Muhammad Syazmirul Shahiran Muhd Hisham



Sesi ramah mesra pihak pengurusan bersama keluarga dan bakal mahasiswa



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah adik Siti Fadhliah Jamilah Anuar



Kegembiraan wajah keluarga bakal mahasiswa



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah adik Nur'Ainul Farhana Mohd Nizam

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN SARAWAK

MENJALIN UKHUWAH, MENYEMAI KASIH

KOTA SAMARAHAN, 26 Jun 2026 – UiTM Cawangan Sarawak telah melaksanakan Program Ziarah Kasih di Taman Desa Damai sebagai usaha menyantuni pelajar baharu daripada golongan B40. Program yang berlangsung pada jam 4.00 petang itu diketuai oleh Rektor UiTM Sarawak, Profesor Dr. Firdaus Abdullah, bersama Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Profesor Madya Dr. Saimi Bujang serta beberapa kakitangan HEP.

Lawatan tersebut melibatkan pelajar baharu, yang bakal melanjutkan pengajian di UiTM Kampus Samarahan pada September 2026. Pelajar dan keluarganya berdepan kekangan kewangan dalam membuat persediaan awal ke universiti.

Prihatin dengan keadaan itu, pihak UiTM telah menyampaikan sumbangan serta bantuan barangan makanan melalui inisiatif Food Bank bagi meringankan beban keluarga.

Secara keseluruhannya, Program Ziarah Kasih ini mencerminkan komitmen UiTM dalam menjaga kebajikan pelajar serta memastikan akses pendidikan tinggi dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.



Penyerahan sumbangan kepada bakal mahasiswa baharu



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan ke rumah bakal mahasiswa.



Pemberian sumbangan wang bantuan dan bakul makanan kepada bakal mahasiswa oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak semasa kunjungan ke kediaman bakal mahasiswa.

ZIARAH KASIH UiTM CAWANGAN SABAH

MENGUBAH DESTINI MEMBENTUK MASA HADAPAN

KOTA KINABALU, 24 Jun 2026 – UiTM Cawangan Sabah telah menganjurkan Program Ziarah Kasih sebagai inisiatif kebajikan bagi membantu pelajar baharu daripada keluarga B40 yang memerlukan. Program yang diketuai oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP) ini bertujuan memberi sokongan kewangan dan moral kepada pelajar sebelum memulakan pengajian di universiti.

Seramai empat orang pelajar menerima sumbangan bagi meringankan kos awal kemasukan ke institusi pengajian tinggi. Menurut pihak penganjur, program ini bukan sahaja membantu dari segi kewangan, malah memberi motivasi dan semangat kepada pelajar untuk memulakan kehidupan sebagai mahasiswa. Secara keseluruhannya, Program Ziarah Kasih ini berjaya mencapai objektifnya dalam membantu pelajar B40 serta mengukuhkan komitmen UiTM terhadap kebajikan mahasiswa.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan bersama bakal mahasiswa.



Pemberian sumbangan kepada bakal mahasiswa.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan bersama bakal mahasiswa.



Pemberian sumbangan bakul makanan kepada bakal mahasiswa.



Lawatan Ziarah Kasih pihak pengurusan bersama bakal mahasiswa.

RINGKASAN



SANTUNI DENGAN HATI
BANTU DENGAN IKHLAS

RUMUSAN JUMLAH SUMBANGAN ZIARAH KASIH 2.0



TERMASUK KAMPUS SATELIT



97

PENERIMA



RM32,730

JUMLAH SUMBANGAN



13

KAMPUS TERLIBAT

BIL	KAMPUS UiTM	BILANGAN PENERIMA	NILAI SUMBANGAN PER INDIVIDU (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	SUMBER DANA
1	Perlis	3	560	1,680.00	Tunai : Tabung sedekah Barangan Dapur : Tabung Amanah HEP
2	Kedah	3	300	900.00	Tabung Sedekah
3	Pulau Pinang	3	350	1,050.00	Tunai : Tabung Sedekah Barangan makanan : Tabung Amanah Kolej
4	Perak	6	300	1,800.00	Tabung Sedekah
5	Shah Alam	3	500	1,500.00	Tabung Sedekah
			300	900.00	YPS
6	Negeri Sembilan	24	300	7,200.00	Tabung Amanah Sedekah
7	Melaka	6	400	2,400.00	Tabung Kad Mysiswa
8	Johor	19	300	5,700.00	Tabung Amanah Sedekah
9	Pahang	16	300	4,800.00	Tabung Amanah Pusat Islam (Pendaftaran Pelajar)
10	Terengganu	4	300	1,200.00	Tabung Amanah Sedekah
11	Kelantan	3	300	900.00	Tabung Sedekah
12	Sarawak	3	500	1,500.00	Tabung Sedekah ZAWAF
13	Sabah	4	300	1,200.00	Tabung Sedekah UHEI
JUMLAH		97	—	32,730.00	—

SUMBER DANA



Tabung
Sedekah



Tabung
Amanah
Sedekah



Yayasan
Perkasa
Siswa (YPS)



Tabung
Amanah
HEP



Tabung
Kad
Mysiswa



Tabung
Amanah
Pusat Islam



Tabung
Amanah
Kolej



Tabung
Sedekah
ZAWAF




Tabung
Sedekah
UHEI



Data Program Ziarah Kasih 2.0 UiTM 2026

KERATAN AKHBAR



CORETAN PROGRAM



kTok Watch more [Watch now](#)

@uitmjohor
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,
Program Ziarah Kasih 2.0 Prihat ...See more
🎵 suara asli - Youtube : Guitar Intensive -
Guitar Intensive



ikTok Watch more [Watch now](#)

@hepn9
Program KPT Prihatin @ Johor
autmdihatiku #ziarahkasihuitm ...See more
🎵 original sound - HAL EHWAL PELAJAR
UITM N9 - HAL EHWAL PELAJAR UITM N9



ees on TikTok Watch [Watch now](#)

@uitmjohor
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,
Program Ziarah Kasih 2.0 Prihat ...See more
🎵 Risalah Hati - Dewa 19



ore exciting videos on [Watch now](#)

@uitmjohor
Program Ziarah Kasih 2.0 Kampung Bandar
Baru Ibrahim Majid Selamat Ber ...See more
🎵 Bahagiaku Sederhana - Jamik Jams



Tok Watch more ex [Watch now](#)

@uitmjohor
Program Ziarah Kasih 2.0 Selamat Berjuang
di UiTM Cawangan Johor. Sem ...See more
🎵 Doa Untuk Kamu - Aviwkila



SIDANG BULETIN

PENGERUSI & KETUA EDITOR

Profesor Dr Haji Mohd Sazili bin Shahibi

EDITOR

Mohd Rizal bin Nordin
Hairul Reazuan bin Asmayadi
Nurfarrahmisha binti Mazli

PANEL EDITORIAL

Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono (Shah Alam)
Wan Mohd Yaseer bin Mohd Abdoh (Perlis)
Dr. Tunku Nashril bin Tunku Abaidah (Kedah)
Dr. Ahmad Asri bin Abd Samat (P. Pinang)
Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Azian bin Zaidi (Perak)
Norsafarina binti Mohd Yusoff (Shah Alam)
Mohd Zulhilmi bin Mohd Yunus (Negeri Sembilan)
Prof. Madya Ts. Dr. Nadzri Mohd Sharif (Melaka)
Irwan Ismail (Johor)
Dr. Hj. Mohd Kamal Azman Jusoh (Pahang)
Meer Zhar Farouk Amir Razli (Kelantan)
Prof. Madya Ts. Dr. Sarifah Fauziah binti Syed Draman (Terengganu)
Prof. Madya Dr. Saimi bin Bujang (Sarawak)
Ts. Dr. Ajimi bin Jawan (Sabah)

PENYELARAS

Unit Korporat & Tugas-tugas Khas
Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar

KONSEP & REKA BENTUK

Nurfarrahmisha binti Mazli

PENULIS & PENYUMBANG MAKLUMAT

Dewi Anis binti Othman
Siti Zubaidah binti Romli
Norlida binti Che Rose
Nor Azlin binti Abidin
Nur Salwana binti Muldan
Amir Abdul Azim Jamaludin
Muhammad Farizi bin Mazlee
Noryasmin binti Zulkarnain
Noor Sharulniza binti Sau Hamid
Norhayati binti Umar
Nor Ashikin binti Samat
Nurashikin binti Mat Rashid
Mohd Faizal Azrul Azwan bin Muhamed@Che Harun
Nurul Huda binti Roslan
Zahirizal bin Miskom

WEB MASTER & PROMOSI

Noor Azizul Hakim Noor Hazam

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Yayasan Perkasa Siswa (YPS) atas cetusan inisiatif serta sokongan dalam menjayakan Program Ziarah Kasih 2.0.

Penghargaan turut dizahirkan kepada seluruh warga Pengurusan Eksekutif Universiti, Rektor-rektor Kampus, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) di semua kampus cawangan UiTM, pengurusan universiti, Pusat Kesatria dan Kokurikulum (PKeKO), Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar (UPKP), Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), para sukarelawan, alumni, agensi kerajaan, syarikat korporat, badan bukan kerajaan (NGO), para penyumbang serta semua rakan strategik yang telah menghulurkan sumbangan, tenaga, masa dan komitmen sepanjang pelaksanaan program ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua penerima dan ahli keluarga yang telah memberikan kerjasama sepanjang sesi ziarah. Semoga segala usaha, keprihatinan dan sumbangan yang diberikan menjadi amal kebajikan yang berpanjangan serta terus memperkukuhkan agenda kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa UiTM.

"Bersama memastikan setiap impian melangkah ke UiTM menjadi kenyataan"

eISSN 3154-7931



BULETIN JEJAK HEP – EDISI PROGRAM ZIARAH KASIH 2.0

HAK CIPTA

Hak Cipta © 2026 Universiti Teknologi MARA

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem simpanan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau selainnya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi MARA.

Segala maklumat, gambar, grafik dan kandungan yang dimuatkan dalam buletin ini adalah bagi tujuan dokumentasi, rujukan dan penyebaran maklumat berkaitan Program Ziarah Kasih 2.0. Sebarang penggunaan semula hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh :

Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Terbitan Berkala Dwibulanan (2 bulan sekali)

Bil. 1/2026

e-ISSN : 3154-7931

Tel : 03-5544 2044 / 3699

Emel : jhep@uitm.edu.my

Laman web : <https://hep.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Jabatan
Hal Ehwal Pelajar

BULETIN JEJAK HEP

eISSN 3154-7931



9 773154 793005